

21 DEC 1998

Rehat

REHAT SABTU DAN KHAMIS MULAI BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 21 Dis (Bernama) -- Kakitangan sektor awam yang akan menikmati hari rehat Sabtu atau Khamis berkuatkuasa 1 Jan tahun depan perlu menambah waktu kerja sebanyak 15 minit sehari pada hari bekerja penuh dan mengurangkan tujuh minit pada hari bekerja separuh.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Samsudin Osman berkata hari rehat itu ditetapkan pada setiap Sabtu atau Khamis pertama setiap bulan.

Katanya waktu pejabat baru bagi negeri yang mengamalkan hari rehat Sabtu adalah 8 pagi hingga 4.30 petang dari Isnin hingga Jumaat dan 8 pagi hingga 12.38 petang pada hari Sabtu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan belanjawan 1999 di Dewan Rakyat Oktober lepas mengumumkan hari rehat itu yang bertujuan mewujudkan satu masyarakat penyayang dengan menggalakkan kakitangan sektor awam menziarahi ibu bapa, sanak saudara dan melancong dalam negara.

Samsudin berkata dalam satu pekeliling bertarikh 16 Dis, 1998, bahawa waktu pejabat baru bagi negeri yang mengamalkan hari rehat Khamis adalah dari 8 pagi hingga 4.15 petang dari Sabtu hingga Rabu dan 8 pagi hingga 12.38 petang bagi hari Khamis.

Bagi mereka yang terbabit dengan Waktu Peringkat 1 (WP1), waktu kerja ialah dari 7.30 pagi hingga 4 petang (Isnin-Khamis) dengan waktu rehat dari 12.15 tengah hari hingga 1.30 petang.

Waktu kerja pada hari Jumaat ialah 7.30 pagi hingga 4 petang dengan waktu rehat dari 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang sementara hari Sabtu dari 7.30 pagi hingga 12.08 tengah hari.

Bagi WP2, waktu kerja ialah 8.15 pagi hingga 4.45 petang (Isnin-Khamis) dengan waktu rehat dari 1.30 petang hingga 2.45 petang. Waktu kerja pada hari Jumaat ialah dari 8.15 pagi hingga 4.45 petang dengan waktu rehat dari 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang.

Waktu kerja pada hari Sabtu pula ialah dari 8.37 pagi hingga 1.15 petang.

Bagi kakitangan yang diarah bertugas lebih masa pada hari rehat Sabtu atau hari rehat Khamis, pengiraan bayaran lebih masa adalah mengikut kadar gandaan hari rehat mingguan, kata Samsudin.

Beliau berkata sekiranya Hari Kelepasan Am jatuh pada hari rehat Sabtu atau hari rehat Khamis, maka hari Sabtu atau Khamis berikutnya dijadikan hari rehat Sabtu atau hari Rehat Khamis.

Katanya, hari rehat Sabtu dan hari rehat Khamis hanya terpakai bagi kakitangan sektor awam yang bekerja lima hari bekerja penuh dan satu hari bekerja separuh dalam seminggu.

Beliau berkata kemudahan hari rehat ini berbeza daripada Hari Kelepasan Am dan hari rehat mingguan kerana masa yang digunakan untuk kemudahan tersebut perlu diganti.

-- BERNAMA

ARA MAI